

An-Nashir anjur projek amal di SK Timbang

UM 18.2.2015 26

KOTA BELUD 17 Feb. - Seramai 200 orang kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang ‘bernaung’ di bawah Kumpulan An-Nashir mengadakan projek amal di Sekolah Kebangsaan (SK) Timbang dekat sini baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Program merangkap Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan UMS, Zawawi Tiyunin, projek amal tersebut diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS.

“Sekali gus, program ini bertujuan memupuk semangat hidup bersama dalam satu komuniti tanpa mengira agama, bangsa dan ideologi.

“Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi

menerima kedatangan An-Nashir,” katanya ketika ditemui di sini.

An-Nashir merupakan gabungan Jabatan Perpustakaan UMS; Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan; Pusat Pengajian Pascasiswa-zah; Pusat Kokurikulum dan Pemajuhan Pelajar; Pusat Alumni; Pusat Sukan; Pusat Rawatan Warga; Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dan Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) UMS.

Sementara itu, Guru Besar SK Timbang, Zenian Ikol turut menzahirkan rasa syukur kerana projek amal seperti ini amat ditunggu-tunggu lebih-lebih lagi selepas sekolah tersebut terlibat dalam musibah banjir baru-baru ini.

“Terima kasih kepada Kumpulan

An-Nashir, UMS kerana memilih sekolah kami untuk projek amal ini, bukan sahaja gotong-royong membantu pulih kawasan sekolah termasuk asrama, pusat sumber dan makmal malah pihak sekolah juga menerima sumbangan yang amat bernilai,” ujarnya.

Dalam program tersebut, Kumpulan An-Nashir memberi sumbangan berupa peralatan sekolah seperti almari, rak buku, peralatan sukan dan bahan-bahan bacaan.

Turut hadir menjayakan projek amal itu ialah Dekan Pusat Pengajian Pascasiswa-zah UMS, Prof. Datin Dr. Mariam Abd. Latip dan Pengarah Pusat Alumni UMS, Mohd. Raffie Janau.